

# Maritim Malaysia sita ambai, belat haram

BH 29/7/24 pg 15

**Shah Alam:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menyita alat tangkapan ikan seperti ambai dan belat yang dipasang secara haram di sepanjang perairan Kuala Langat, dekat sini.

Rampasan dilakukan susulan Op Hurricane Bersepadu yang turut membabitkan Jabatan Perikanan Selangor pada Khamis dan Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Selangor, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh, berkata rampasan ambai atau tangkuk penangkap ikan yang disyaki tidak memiliki lesen itu dilakukan mengikut Seksyen 11(3)(b) Akta Perikanan 1985.

“Dalam operasi sama, beberapa set belat haram yang dipasang di sepanjang perairan turut ditemukan dan disita.

“Tindakan ini diambil mengikut mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana memasang peralatan menangkap ikan (belat) tanpa kebenaran bertulis daripada Ke-



Ambai dan belat haram disita dalam Op Hurricane Bersepadu antara Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan Selangor di perairan Kuala Langat, Jumaat lalu.

(Foto ihsan Maritim Malaysia)

tua Pengarah Perikanan Malaysia,” katanya melalui kenyataan.

Abdul Muhaimin berkata, Op Hurricane Bersepadu bertujuan memupuk kesedaran komu-

niti nelayan terhadap pematuhan undang-undang dan hal ehwal pelesenan seperti termaktub dalam Akta Perikanan 1985.

“Pelaksanaan operasi ini

mampu menjadi platform terbaik dalam perkongsian maklumat dan kepakaran merentasi agensi dan jabatan yang menguatkuasakan undang-undang Maritim,” katanya.